

Dasar makanan ternakan perlu segera diwujudkan

KUALA LUMPUR 4 Okt. - Dasar makanan ternakan perlu segera diwujudkan bagi mengelakkan kebergantungan negara terhadap makanan ternakan import selain dapat mencipta kekayaan baharu untuk negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, pihaknya akan membentangkan perkara itu ke peringkat Kabinet tidak lama lagi bagi merealisasikan impian untuk mengurangkan kebergantungan import makanan ternakan.

Katanya, sebelum ini negara mempunyai pelbagai dasar yang

menyokong industri ternakan tetapi tidak termasuk dasar tersebut.

"Setakat ini, negara mengimpor 100 peratus makanan ternakan yang terdiri daripada kacang soya dan jagung bijirin.

"Pembentukan dasar ini bukan melibatkan kementerian saya sahaja, tetapi melibatkan semua pihak termasuk daripada pakar akademik dan kerajaan negeri kerana dasar ini memerlukan penggunaan kawasan yang luas. Kita memerlukan dasar yang

kemas dan sekiranya berjaya, akan wujud kekayaan baharu bagi negara," katanya kepada pembe Rita selepas merasmikan Kongres



AHMAD SHABERY

Pertanian Antarabangsa Ke-7 di Bangi dekat sini hari ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Pada tahun lalu, defisit imbalan dagangan (BOT) agromakanan negara adalah RM18.1 bilion dengan nilai import RM45.4 bilion sementara nilai eksport, pula adalah RM27.3 bilion.

Makanan ternakan merupakan satu daripada faktor penyumbang kepada nilai defisit tersebut dengan nilai import RM5.6 bilion, justeru inisiatif Model Penanaman Jagung Kemaman telah dimulakan di tanah sawah seluas 38 hektar di Kampung Dadong yang digunakan untuk penanaman jagung bijirin.